

MAN bentang portfolio trak terkini

PENGELUAR bas dan trak, MAN Truck and Bus (M) Sdn Bhd (MAN) bakal membentangkan portfolio trak baharunya dalam Kenderaan Komersial Pameran Permotoran Antarabangsa 2016 (IAA 2016), yang berlangsung di Hanover, Jerman, pada 22 hingga 29 September ini.

Dalam satu kenyataan, MAN berkata, pada tahun depan, syarikat itu merancang untuk menggunakan enjin dengan aras kuasa baharu sehingga 640 kuasa kuda, selain menampilkan inovasi reka bentuk.

"Dalam pameran itu, MAN akan tumpu kepada enjin dioptimumkan, yang boleh membantu meningkatkan penggunaan bahan api dan memastikan peningkatan prestasi dinamik," katanya.

Pengarah Urusannya, Hartmut Mueller berkata, syarikat itu akan terus menawarkan produk dan penyelesaian untuk membantu pelanggan mengurangkan jumlah kos pemilikan (TCO), dengan kos penyelenggaraan yang telus, selain menjimatkan dalam pengurusan kenderaan yang dihasilkan.

"Menerusi pameran IAA 2016, kami begitu teruja menunjukkan teknologi terbaru dan apa yang terdapat di kilang kami kepada pelanggan," katanya.



HARTMUT MUELLER